

31 JUL 2002

Kyrgyz-Lawatan/I

PRESIDEN REPUBLIK KYRGYZ AKAN LAWAT MALAYSIA ISNIN DEPAN

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Presiden Kyrgyz Askar Akayev, akan melakukan lawatan negara dua hari ke Malaysia bermula 5 Ogos atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Wisma Putra, dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini berkata, sebelum lawatan negara itu Akayev akan menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang bermula esok dan akan berlangsung hingga 4 Ogos.

Lawatan Akayev, yang kedua selepas lawatan sulung pada 1995 bertujuan meningkatkan hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi.

Beliau dijangka diiringi oleh isterinya Mairam Akayeva, selain daripada Timbalan Pertama Perdana Menteri Kurmanbek Osmonov, Menteri Hal Ehwal Luar, Menteri Kesihatan, para pegawai kanan kerajaan, pengerusi Bank Kebangsaan Kyrgyz dan satu delegasi perniagaan.

Menurut Wisma Putra, semasa lawatan itu dua memorandum persefahaman (MoU) dan satu perjanjian akan ditandatangani oleh Malaysia dan Kyrgyz pada 5 Ogos.

Mereka ialah MoU mengenai Peraturan Bayaran Dua Hala antara Bank Negara dan Bank Kebangsaan Kyrgyz dan MoU mengenai kerjasama antara Jabatan Statistik Malaysia dan Jawatankuasa Statistik Kebangsaan Kyrgyz.

Perjanjian yang akan ditandatangani ialah antara Bank Negara dan Joint Stock Bank "Kyrgyzstan" mengenai Peraturan Bayaran Dua Hala.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum itu dijangka menganjurkan satu mesyuarat delegasi antara kedua-dua negara.

Semasa lawatan itu, yang menandakan ulang tahun ke 10 selepas hubungan diplomatik diwujudkan antara Malaysia dan Kyrgyz, Akayev akan menyampaikan satu syarahan umum dalam majlis anjuran Institut Diplomasi dan Hal Ehwal Luar.

Beliau juga akan berucap mengenai pelaburan di Kyrgyz dalam satu majlis makan tengah hari pada 6 Ogos, dengan majlis itu dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan dan beliau juga akan melawat Perbadanan Pembangunan Multimedia serta Menara Berkembar Petronas.

-- BERNAMA

SHI ZS PR